

Cara UKM menoktah graduan menganggur

Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL NAZMI SANNUSI

nazmy@ukm.edu.my

Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia



KETIKA semester baharu sahaja bermula beberapa minggu lalu di kebanyakan universiti tempatan, sesetengah pelajar khususnya tahun akhir kini telah pun memulakan latihan industri.

Tidak kira apa bidang sekali pun, pelbagai ilmu yang telah dipelajari selama dua tahun dalam dewan kuliah akan dipraktikkan dalam alam pekerjaan sebenar.

Walaupun hanya memakan masa selama satu semester iaitu 14 minggu, pendedahan awal tentang cara kerja sebenar ini pasti akan menawarkan satu dimensi baharu untuk memajukan diri mereka.

Dengan pendedahan ini akan meningkatkan lagi tahap kebolehpasaran mereka dalam pasaran kerja kelak.

Namun perkara menarik tentang kebolehpasaran graduan ketika ini adalah kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Persoalan tentang graduan menganggur bukan isu baharu dan jarang diketengahkan.

Apa yang pasti, bukan Malaysia sahaja yang berdepan dengan masalah ini. Jika dilihat di peringkat antarabangsa, negara maju seperti Sweden, Finland, Kanada dan Kesatuan Eropah mencatatkan kadar pengangguran antara tujuh hingga 10 peratus tahun lalu.

Ia jauh lebih tinggi berbanding Malaysia yang hanya mencatat sekitar tiga peratus sahaja pada 2015.

Ekoran daripada permasalahan ini, timbul persoalan pokok yang sering dibangkitkan iaitu adakah ciri-ciri sahsiah kalangan mahasiswa yang dilahirkan di universiti ketika ini tidak mampu menepati dinamika pasaran pekerjaan ketika ini?

Berubah

Dunia pembelajaran dan kaedah penyampaian maklumat di universiti kini telah berubah seiring dengan kehendak serta kemajuan semasa.

Jika dahulu pelajar bergantung kepada kuliah dan tutorial, kini ia diadun bersama-sama pembelajaran interaktif dan penekanan terhadap pembangunan sahsiah dan personaliti pelajar yang bakal bergraduasi.

Dengan cara ini ia memberi kelebihan untuk menyerlahkan bakat sendiri, meningkatkan tahap daya saing mereka dalam pasaran kerja.

Bagi mengatasi masalah ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut berfikiran tuntas mencari jalan untuk membantu kalangan graduan mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.

Penulis tertarik dengan rancangan pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) misalnya yang tampil dengan satu inovasi baharu yang dipanggil Insan Budiman. Walaupun baru setahun jagung diperkenalkan di peringkat fakulti, banyak kejayaan telah dicapai. Para pelajar yang menyertainya berjaya diasuh dan meningkatkan kemahiran insaniah (*softskills*) agar mereka lebih berketrampilan dan berkeyakinan.

Program berbentuk kursus yang dijalankan dalam

semester ini memuatkan beberapa modul utama iaitu kualiti peribadi dan kebolehpasaran graduan, pengetahuan dan kemahiran profesional, kemahiran dan kecekapan bahasa, kesukarelawan dan tanggungjawab sosial korporat serta kemahiran keusahawanan.

Jika dilihat secara mendalam, kelima-lima program ini memiliki kekuatan tersendiri untuk membantu graduan dari segi kemahiran.

Misalnya, pelajar yang berminat kemahiran keusahawanan akan mendidik golongan pelajar menceburkan diri dalam perniagaan. Sementara, kesukarelawan dan tanggungjawab sosial korporat pula melatih pelajar untuk melakukan kerja-kerja sukarela, sekali gus menyumbang kepada pembangunan masyarakat sekeliling.

Tahniah kepada Dekan FSSK, Prof. Dr. Hazita Azman, Profesor Madya. Dr. Tg. Nor Rizan Tg. Maasum dan pasukannya kerana program Insan Budiman ini berjaya dipatenkan dan memenangi tempat pertama anugerah K-Novasi anjuran UKM yang diadakan baru-baru ini.

Personaliti

Menyentuh soal pengangguran, penulis mengakui kelemahan besar kalangan mahasiswa ketika ini adalah persoalan pembentukan karakter atau personaliti mereka.

Walaupun mendapat keputusan cemerlang, ada dalam kalangan graduan yang masih tidak memiliki kemahiran berkomunikasi dengan baik dan imej pembawaan diri yang